

**PENGGUNAAN CARTA HURUF SOMBONG DALAM MENINGKATKAN
PENGAJARAN KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF JAWI
MURID TAHUN LIMA**

Oleh

ZULZAIMI BIN SUHAMI@SUHAIMI
zul_ipbl@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu mempertingkatkan kemahiran murid Tahun Lima dalam menyambung huruf jawi melalui penggunaan Carta Huruf Sombong. Seramai tiga orang murid di salah sebuah sekolah di sekitar Petra Jaya, Kuching terlibat dalam kajian ini. Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran menyambung huruf jawi tunggal. Data awal dikumpul melalui ujian diagnostik (ujian pra dan ujian pasca), pemerhatian, temu bual, dan nota lapangan. Dengan penggunaan Carta Huruf Sombong, peserta kajian diminta untuk menjawab soalan dalam ujian yang telah saya sediakan. Dapatkan kajian mendapati semua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan ketara dalam ujian pasca berbanding dengan ujian pra. Secara keseluruhannya, dengan penggunaan carta ini dapat menunjukkan kesan yang positif terhadap kemampuan peserta kajian dalam kemahiran menulis jawi khususnya dalam menyambung huruf jawi tunggal.

Kata kunci: murid Tahun Lima, Carta Huruf Sombong, kemahiran menyambung huruf Jawi tunggal, kesan yang positif

ABSTRACT

The purpose of this study is to improve Year 5 pupils' skill in joining Jawi alphabets through the usage of Carta Huruf Sombong. Three pupils from one of the schools around Petra Jaya, Kuching are involved in this research. This study concentrates on joining single Jawi alphabet skill. Data are gathered through diagnostic test (pre-test and post-test), observation, interview, and field notes. With the usage of Carta Huruf Sombong, participants are asked to answer questions that I have prepared. Result from the findings shows that all of the participants have showed apparent improvement in the post-test compared to the pre-test. Overall, the usage of this chart can give positive impact to the participants' ability in writing Jawi especially in joining single Jawi alphabet.

Keywords: Year 5 pupils', Carta Huruf Sombong, joining single Jawi alphabet skill, positive impact


PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih opsyen Pendidikan Agama Islam yang telah melaksanakan dua kali praktikum sebelum ini di sekolah yang berdekatan dengan institut. Pada praktikum yang ketiga ini, saya menjalankan praktikum di sebuah sekolah di sekitar kawasan Petra Jaya, Kuching. Semasa melaksanakan praktikum di sekolah ini, saya telah diamanahkan untuk mengajar kelas Tahun 5 untuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Sepanjang pemerhatian saya, murid-murid kelas ini agak lemah dalam menyambung huruf-huruf jawi tunggal. Oleh itu, saya memilih isu ini sebagai kajian tindakan saya untuk memenuhi kehendak sukanan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Pada praktikum fasa 3 ini, saya turut ditempatkan di salah sebuah sekolah yang terdapat di sekitar kawasan Petra Jaya, Kuching. Saya telah diamanahkan untuk mengajar kelas Tahun 5 di sekolah tersebut. Pada hari pertama sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas tersebut, saya telah memberikan lembaran kerja kepada murid. Gambar 1 merupakan latihan menyambung huruf jawi tunggal yang saya berikan kepada murid-murid saya. Hasilnya, saya mendapati bahawa masih ramai murid yang bermasalah dalam menyambung huruf jawi tunggal dengan baik.



Gambar 1: Kesilapan murid dalam menyambung huruf jawi tunggal

Bertitik tolak daripada hasil kerja pertama yang diberikan kepada murid, saya berpendapat masalah ini perlu diatasi dengan segera kerana kemahiran menyambung huruf jawi tunggal adalah amat penting khususnya dalam pelajaran Jawi dan mata pelajaran Pendidikan Islam amnya. Kegagalan murid dalam menyambung huruf-huruf jawi dengan betul boleh memberikan kesan dalam peperiksaan bulanan dan tahunan mereka. Walaupun mata pelajaran ini tidak diuji dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), namun mata pelajaran ini telah diuji ketika mereka berada di sekolah menengah nanti. Oleh itu, saya berasa bertanggungjawab meningkatkan kemahiran menulis murid sebelum mereka meningkat ke tahun seterusnya.

Menurut Glasser (1993), guru boleh meningkatkan mutu pengajaran melalui cara memberikan galakan kepada murid untuk memberikan yang terbaik. Bimbingan dan bantuan daripada guru amat penting bagi murid supaya mereka dapat memberikan usaha dan hasil yang terbaik. Keadaan ini

mungkin mengambil masa tetapi guru perlu berusaha untuk mendapatkan yang terbaik daripada murid-muridnya.

Fokus Kajian

Masalah yang difokuskan dalam kajian ini adalah dalam bidang penulisan jawi iaitu kelemahan peserta kajian dalam menyambung huruf jawi tunggal. Masalah ini perlu diselesaikan supaya peserta kajian boleh mengatasi masalah dalam penulisan jawi mereka sebelum meningkat ke tahun yang seterusnya. Ini adalah selari dengan matlamat pengajaran jawi di sekolah rendah iaitu untuk melahirkan murid yang dapat mengenal, membaca dan menulis jawi dengan baik. Matlamat yang digariskan ini dapat dicapai sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai diamalkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini juga memfokuskan kepada keberkesanannya teknik yang telah dipilih ini dalam mempertingkatkan kemahiran penulisan peserta kajian. Penulisan jawi adalah suatu bahagian penting yang perlu dikuasai oleh peserta kajian tersebut. Kelemahan peserta kajian dalam bidang penulisan ini telah mempengaruhi keputusan mereka dalam peperiksaan yang dijalankan pada akhir setiap penggal dalam sesi persekolahan. Oleh itu, saya amat menitikberatkan isu ini supaya peserta kajian dapat mengatasi masalah ini dengan baik.

Di samping itu, berdasarkan pemerhatian dan penilaian saya sepanjang proses pengajaran dijalankan, tidak ramai murid dapat mengeja perkataan yang dinyatakan dengan betul, apakah lagi untuk menyambung huruf-huruf jawi tersebut. Misalnya, jika diminta untuk mengulang semula apa yang telah saya ejam dan tulis, murid-murid tidak dapat mengulangnya semula dengan baik dan betul. Hanya sebilangan kecil murid sahaja yang dapat menjawabnya dengan betul. Menggunakan teknik soal jawab inilah saya dapat mengetahui sejauh mana kefahaman murid tentang apa yang telah saya sampaikan kepada mereka.

Objektif Kajian

Kajian yang saya jalankan ini mempunyai dua objektif iaitu:

Objektif Umum

Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan jawi dengan betul.

Objektif Khusus

- a) Mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam menyambung huruf-huruf jawi tunggal melalui Carta Huruf Sombong.
- b) Mengenal pasti tahap minat murid dalam pelajaran Jawi melalui Carta Huruf Sombong.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- a) Adakah penggunaan Carta Huruf Sombong dapat meningkatkan tahap pencapaian murid dalam menyambung huruf-huruf jawi tunggal?
- b) Adakah penggunaan carta tersebut dapat meningkatkan minat murid dalam kemahiran penulisan jawi?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah penyelidikan tindakan. Penggunaan Carta Huruf Sombong ini dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menyambung huruf-huruf jawi tunggal. Antara rancangan tindakan reka bentuk kajian ialah:

- a) Mengenal pasti tajuk dalam bidang Jawi yang hendak diajar kepada murid mengikut Sukatan Pelajaran yang telah ditetapkan.
- b) Menentukan aras kesukaran carta huruf berdasarkan tahap pemahaman murid.
- c) Membuat perancangan terhadap langkah-langkah dalam penggunaan carta huruf.
- d) Menerangkan kepada murid tentang pengertian istilah huruf sompong yang digunakan di dalam carta.
- e) Memberi penerangan kepada murid tentang contoh huruf sompong yang terdapat dalam carta tersebut.
- f) Memberikan contoh perkataan yang mengandungi huruf sompong kepada murid.
- g) Memberikan latih tubi kepada murid untuk meningkatkan ingatan mereka terhadap pelajaran yang diajar.

Pelaksanaan Tindakan

Ujian Diagnostik (Ujian Pra)

Saya telah menyediakan Ujian Pra yang mengandungi 5 soalan. Setiap soalan yang dijawab dengan betul membawa peratusan sebanyak 20%. Sekiranya peserta kajian menjawab dengan semua betul, maka markah penuh diberikan. Markah penuh adalah adalah sebanyak 100%. Setelah menjalankan Ujian Pra, saya telah membuat analisis keputusan bagi tiga orang peserta kajian yang dipilih. Analisis keputusan telah dipersembahkan dalam bentuk jadual. Jadual analisis ini mengandungi jumlah markah, peratus markah, gred, peratus lulus dan peratus gagal.

Setelah menukar markah peserta kajian kepada peratus, saya telah mengkategorikan markah peserta kajian mengikut gred A, B, C, D dan E. Gred lulus adalah dari markah 60 hingga 100 iaitu gred A, B dan C manakala gred D dan E adalah gagal dengan mendapat markah 0 hingga 39. Gred markah tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Panduan Penentuan Gred

Markah	Gred
80 – 100	A
60 – 79	B
40 – 59	C
20 – 39	D
0 - 19	E

Memperkenalkan Carta Huruf Sombong

Carta Huruf Sombong ini hanya memfokuskan kepada 7 huruf jawi tunggal yang tidak dapat disambung sahaja. Huruf tersebut ialah Alif (ا), Va (ء), Wau (و), Zai (ز), Ro (ر), Dzal (ڏ) dan Dal (ڻ). Huruf ini disusun dalam bentuk carta untuk memudahkan murid untuk mengingat huruf tersebut. Pelbagai warna dan hiasan digunakan untuk menarik minat murid terhadap carta ini (rujuk Gambar 2). Saya menggunakan istilah Huruf Sombong kerana huruf jawi tunggal ini tidak dapat disambung dengan huruf selepasnya akan tetapi huruf ini dapat disambungkan dengan huruf lain pada sebelumnya. Oleh itu, saya menggelar huruf ini sebagai sompong kerana huruf ini tidak dapat disambungkan dengan huruf yang lain selepas huruf tersebut. Setelah menerangkan kepada murid tentang konsep Huruf Sombong ini, lembaran kerja akan diberikan kepada murid sebagai pengukuhan kepada penerangan yang telah saya lakukan.



Gambar 2: Carta Huruf Sombong

Temu Bual dan Pemerhatian

Temu bual dijalankan untuk mengetahui latar belakang dan minat setiap peserta terhadap kajian yang dilakukan. Pemerhatian pula dijalankan bagi memerhatikan tingkah laku peserta kajian semasa Carta Huruf Sombong ini diperkenalkan dan ujian dilangsungkan.

Ujian Diagnostik (Ujian Pasca)

Cara analisis data bagi Ujian Pasca adalah sama dengan cara analisis bagi Ujian Pra iaitu menggunakan kaedah peratusan dan gred seperti dalam Jadual 1.

Setelah menganalisis keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca, saya telah membuat perbandingan pencapaian markah peserta kajian. Perbandingan ini dijalankan untuk melihat perbezaan markah peserta kajian sebelum kajian dan selepas kajian dijalankan. Perbandingan markah peserta kajian secara

Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/

27 & 28 September 2012/ IPG KBL

individu telah dikira dengan menggunakan perbezaan julat markah Ujian Pra dan Ujian Pasca. Keputusan perbandingan ini juga dapat menunjukkan dengan jelas keberkesanan kaedah yang telah saya gunakan dalam kajian ini.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian yang saya laksanakan ini dijalankan ke atas murid Tahun Lima yang saya ajar di sekolah praktikum pada kali ini. Seramai 35 orang murid iaitu 16 orang murid lelaki dan 19 orang murid perempuan telah menjalankan ujian diagnostik yang saya kelolakan untuk tujuan kajian. Namun begitu, saya hanya memilih tiga orang murid untuk dijadikan peserta kajian berdasarkan kemampuan meraka dalam menyambung huruf jawi yang sangat lemah. Tambahan pula, kaedah yang saya gunakan ini hanya memfokuskan kepada tujuh huruf jawi tunggal yang tidak boleh disambung sahaja.

Jadual 2: Maklumat berkaitan dengan peserta kajian

Bil.	Peserta	Jantina	Tarikh Lahir	Cita-cita
1.	Murid A	Lelaki	2 Februari 2001	Pemain Kriket
2.	Murid B	Perempuan	21 September 2001	Polis
3.	Murid C	Perempuan	13 November 2001	Guru

Teknik Mengumpul Data

Saya menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpulkan maklumat bagi kajian ini. Antaranya :

Ujian Diagnostik

Ujian yang telah saya jalankan terbahagi kepada dua jenis iaitu ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra ini bertujuan untuk menguji pengetahuan sedia ada murid dalam kemahiran menulis jawi manakala ujian pasca bertujuan untuk menguji keberkesanan kaedah yang saya gunakan ini.

Setelah menganalisis keputusan ujian pra dan ujian pasca, saya telah membuat perbandingan pencapaian markah peserta kajian. Perbandingan ini dijalankan untuk melihat perbezaan markah peserta sebelum dan selepas kajian dijalankan. Perbandingan markah peserta secara individu dikira dengan menggunakan perbezaan julat markah ujian pra dan ujian pasca. Keputusan kajian perbandingan ini telah dapat menunjukkan dengan jelas keberkesanan kaedah yang telah saya gunakan dalam kajian ini.

Keputusan ujian pra dan ujian pasca telah dianalisis dengan mengira skor markah yang diperolehi oleh murid di dalam peratus. Setiap jawapan yang diberikan bagi setiap soalan adalah membawa satu markah. Keputusan yang diperolehi oleh murid di dalam ujian pra telah dibandingkan dengan keputusan mereka di dalam ujian pasca. Perbandingan ini telah dapat menentukan peningkatan yang berlaku dalam tahap kefahaman murid

sebelum dan selepas tindakan dilaksanakan. Semua markah yang diperolehi telah dibentangkan dalam bentuk jadual.

Temu Bual Bersama Peserta Kajian

Semua data temu bual yang telah dirakam telah ditranskripkan terlebih dahulu sebelum analisis kandungan dijalankan. Menurut Lim (2000), pengkaji boleh juga mengambil masa membuat catatan ringkas kata-kata atau jawapan peserta dan jika perlu transkrip temu bual boleh diperolehi kemudian sebagai bahan sokongan kajian temu bual yang lebih teliti.

Temu bual bersama kajian telah dijalankan selepas pelaksanaan penggunaan Carta Huruf Sombong. Temu bual ini bertujuan mendapat maklum balas peserta terhadap keberkesanan penggunaan Carta Huruf Sombong dalam menyambung huruf jawi tunggal dan mengetahui minat mereka terhadap pelajaran jawi sebelum dan setelah kaedah ini diperkenalkan.

Saya telah meneliti data yang diperolehi dengan menggariskan atau menandakan perkara penting berhubung dengan objektif kajian saya. Perkara yang telah saya gariskan dan tandakan tadi telah diubah kepada tema. Saya telah menentukan tema yang sesuai mengikut objektif kajian saya dengan meneliti semula transkrip temu bual tersebut. Setiap tema telah diberikan kod yang sesuai. Pengiraan telah dibuat terhadap kekerapan munculnya kod yang sama di dalam data yang dikumpulkan. Seterusnya saya telah membuat interpretasi terhadap dapatan kajian saya.

Pemerhatian

Pemerhatian yang saya jalankan dalam kajian ini adalah pemerhatian secara langsung. Pemerhatian dalam kajian ini dilakukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara yang diberi perhatian dalam pemerhatian adalah berkenaan dengan sikap dan minat murid dalam menyambung huruf jawi tunggal.

Bagi menganalisis hasil pemerhatian yang dijalankan, saya telah menilai sama ada kaedah yang saya pilih sesuai digunakan untuk meningkatkan pencapaian menyambung huruf jawi tunggal bagi peserta kajian atau tidak. Saya juga telah meneroka minat dan kegembiraan murid ketika menggunakan kaedah ini dalam menyambung huruf-huruf jawi tunggal.

Hasil pemerhatian telah dicatatkan di dalam borang pemerhatian yang saya sediakan. Borang pemerhatian ini amat penting kerana menurut Lim (2000), borang pemerhatian adalah satu dokumen yang diseditelah untuk merekod apa yang diperhatikan secara sistematik dan teratur. Dalam borang pemerhatian itu, aspek-aspek yang tertentu untuk direkodkan semasa pemerhatian dijalankan.

Teknik Menganalisis Data

Ujian Diagnostik (Ujian Pra dan Ujian Pasca)

Jadual 3 menunjukkan markah Ujian Pra bagi tiga orang peserta yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan jadual, Murid A telah mendapat 60%. Manakala Murid B mendapat 40% dan Murid C pula mendapat 20%. Keputusan peserta kajian dalam Ujian Pra ini agak mendukacitakan. Ini kerana hanya seorang sahaja peserta mencapai gred C. Manakala dua orang lagi gagal dalam Ujian Pra ini iaitu seorang peserta mendapat Gred D manakala seorang lagi mendapat Gred E. Walaubagaimanapun, selepas Ujian Pasca dijalankan, pencapaian peserta kajian dalam menyambung huruf tunggal jawi semakin meningkat dan menunjukkan prestasi yang cemerlang. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.5.

Jadual 3: Analisis keputusan Ujian Pra menyambung huruf tunggal jawi

Peserta Kajian	Markah	Peratus (%)	Gred
Murid A	3/5	60	C
Murid B	2/5	40	D
Murid C	1/5	20	E

Berdasarkan perbandingan markah Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam Jadual 4, kesemua peserta kajian telah menunjukkan peningkatan markah yang amat ketara. Ini lebih membanggakan apabila dua daripada tiga orang peserta telah mendapat markah penuh iaitu 100%. Peningkatan ini amat memuaskan dan menunjukkan bahawa peserta kajian dapat menyambung huruf-huruf tunggal jawi dengan baik. Selain itu, perbezaan markah Ujian Pra dan Ujian Pasca peserta kajian boleh dilihat secara jelas dalam Rajah 4.1.

Jadual 4: Analisis Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca menyambung huruf jawi tunggal

Peserta Kajian	Ujian Pra (%)	Gred	Ujian Pasca (%)	Gred
Murid A	60	C	100	A
Murid B	40	D	100	A
Murid C	20	E	60	C

Temu Bual

Sebanyak empat soalan telah saya ajukan berkaitan dengan penggunaan Carta Huruf Sombong dalam pelajaran jawi. Soalan ini bertujuan untuk mengetahui minat dan maklum balas peserta kajian terhadap pelajaran jawi.

- Soalan pertama yang telah diajukan kepada peserta kajian dalam temu bual adalah untuk menentukan sama ada peserta tersebut berminat belajar mata pelajaran Pendidikan Islam atau tidak. Daripada maklum balas, kesemua peserta menyatakan mereka suka belajar Pendidikan Islam.
- Soalan kedua yang telah saya ajukan dalam temu bual ini adalah untuk menentukan sama ada peserta kajian mampu membaca dan menulis dengan baik atau tidak. Melalui maklum balas daripada peserta tersebut, dua daripada peserta telah memberikan maklum balas yang

sangat baik (Murid A dan Murid B). Mereka memaklumkan bahawa mereka mampu membaca dan menulis jawi sekiranya diberi bimbingan oleh guru. Manakala seorang peserta (Murid C) memberikan maklum balas negatif. Murid C mengakui bahawa dirinya tidak mampu membaca dan menulis jawi.

- c) Soalan ketiga yang telah saya ajukan kepada tiga orang peserta kajian adalah untuk mengetahui sama ada mereka faham ataupun tidak berkenaan dengan penggunaan Carta Huruf Sombong. Berdasarkan maklum balas daripada peserta tersebut, dua daripada tiga orang peserta (Murid A dan Murid B) memberikan maklum balas yang positif terhadap soalan ini. Mereka berpendapat penggunaan Carta Huruf Sombong ini memudahkan mereka untuk menyambung huruf jawi tunggal. Namun begitu, Murid C memberikan maklum balas yang negatif. Peserta ini kurang memahami cara penggunaan Carta Huruf sompong namun bagi soalan yang mudah, peserta ini yakin bahawa dirinya dapat menjawab soalan tersebut.
- d) Soalan keempat yang diajukan adalah untuk mengetahui pengetahuan asas peserta sama ada mereka dapat mengingat huruf jawi tunggal yang tidak dapat disambung. Murid A dan Murid B memberikan maklum balas yang positif di mana murid tersebut dapat memberikan contoh yang betul. Walaubagaimanapun, Murid C tidak mampu memberikan contoh untuk huruf sompong yang saya perkenalkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

P : Ok. Bagusla kalau macam ya. Soalan pertama saya, awak suka sik belajar mata pelajaran saya, Pendidikan Islam?

MA : Hmm....aok. Saya suka belajar Agama dengan Ustaz tok.

(Temu bual dengan Murid A)

P : Bagus.. Dengar juak saya suara awak ya, Ika.. Baiklah. Soalan pertama saya, awak suka sik belajar mata pelajaran saya, Pendidikan Islam?

MB : Mestila suka.. Betul x, Ika??

MC : (Mengangguk kepalanya)

(Temu bual dengan Murid B dan Murid C)

Rajah 1: Transkip temu bual berkaitan soalan dengan minat peserta kajian terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam

Pemerhatian

Saya telah membuat pemerhatian ke atas tingkah laku murid semasa ujian diagnostik dijalankan. Pada pemerhatian yang saya lakukan pada 9 Februari 2012, sebelum penggunaan Carta Huruf Sombong diperkenalkan, semua peserta kajian kurang memberi respon sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Peserta kajian kelihatan kurang bersedia dan kurang bersungguh-sungguh untuk melibatkan diri dalam menjawab soalan yang telah saya sediakan. Ini disebabkan tiada kaedah yang memudahkan bagi mereka untuk menyambung huruf jawi tunggal. Ini jelas menunjukkan

peserta kajian kurang berminat dengan bidang jawi ini khususnya dalam menyambung huruf jawi tunggal.

Namun begitu, terdapat perubahan yang drastik dari segi tingkah laku peserta kajian setelah Carta Huruf Sombong diperkenalkan pada 1 Mac 2012. Peserta kajian menjadi lebih bersemangat untuk menjawab soalan yang saya sediakan. Peserta kajian menunjukkan peningkatan yang positif dari semasa ke semasa ketika membuat latihan menyambung huruf jawi di dalam kelas. Mereka menunjukkan minat yang positif ketika menggunakan Carta Huruf Sombong ini.

Nama Peserta:	Murid A	Murid B	Murid C
	Ujian/Pra-Ujian	Ujian/Pasca-Ujian	Ujian/Pasca-Ujian
Senarai Semak Untuk Memerlukan Tumpuan Murid Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran:			
Tingkahlaku:	Ujian/Tarikh <i>7/3/2012 < 2012</i>	Ujian/Tarikh <i>1/3/2012</i>	Ujian/Tarikh <i>2/3/2012 < 2012</i>
1. Memberi perhatian semasa guru mengajar. • Murid memandangi guru	—	= murid memandangi = ETS PA & JU memandangi	—
2. Melibatkan diri dalam sesi soaljawab semasa proses pengajaran dan pembelajaran.	—	= murid mengambil bahagian dalam sesi soaljawab	—
3. Memberi tumpuan semasa menyambung huruf Jawi.	<p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p> <p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p> <p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p>	<p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p> <p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p> <p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p>	<p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p> <p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p> <p>= murid diberi tumpuan menyambung huruf Jawi</p>

Gambar 3: Pemerhatian terhadap perkembangan peserta kajian (Murid A)

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Kesan Penggunaan Carta Huruf Sombong Terhadap Pencapaian Murid

Dalam kajian ini, kesan penggunaan Carta Huruf Sombong terhadap pencapaian dikesan melalui ujian-ujian yang telah dijalankan iaitu Ujian Pra dan Ujian Pasca. Hasil keseluruhan kajian mendapati penggunaan Carta Huruf Sombong dalam menyambung huruf jawi tunggal telah meningkatkan pencapaian peserta kajian dalam ujian yang dijalankan.

Dapatan daripada kajian ini secara tidak langsung memberikan gambaran berkaitan dengan tahap dan pencapaian peserta kajian dalam bidang jawi khususnya dalam penulisan jawi. Berdasarkan dapatan dan objektif kajian, ia jelas menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan pencapaian yang memberangsangkan bagi peserta kajian dalam menyambung huruf jawi tunggal dengan betul. Ini secara langsung dapat membantu saya mengetahui amalan pengajaran sendiri sama ada berkesan atau tidak dan seterusnya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya iaitu dengan melakukan penambahbaikan dan perubahan dalam amalan pengajaran agar sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.

Berdasarkan analisis dapatan kajian daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca yang telah dijalankan, didapati tindakan yang telah dilaksanakan memberikan kesan yang positif dalam meningkatkan kemahiran menulis peserta dalam menyambung huruf jawi tunggal selaras dengan objektif kajian. Perbezaan julat markah peserta kajian dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca membuktikan bahawa kaedah yang saya jalankan dalam memperbaiki amalan pengajaran dalam kajian tindakan ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Kesan Penggunaan Carta Huruf Sombong Dalam Meningkatkan Minat Murid

Dalam kajian ini, kesan penggunaan teknik ini dalam meningkatkan minat murid dalam menulis jawi dinilai melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan ke atas semua peserta kajian. Pemerhatian dijalankan sepanjang pelaksanaan teknik ini manakala temu bual dijalankan selepas kajian ini dilaksanakan.

Minat murid dapat ditingkatkan sekiranya mereka mempunyai motivasi kendiri yang tinggi untuk mengamalkan ilmu yang diperolehi. Menurut Choong (2008), motivasi boleh dirangsangkan dalam bentuk serti memberi pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana dan iklim persekitaran yang kondusif untuk mendorong murid belajar dengan lebih tekun lagi. Dengan peningkatan markah yang ketara dalam ujian yang dijalankan, ini secara langsung dapat meningkatkan minat murid untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam kemahiran menulis jawi.

Refleksi Penilaian tindakan

Penggunaan teknik dan kaedah yang mudah dan bersesuaian dengan tahap penguasaan murid dapat membantu guru dalam menyampaikan isi pelajaran. Berdasarkan pengalaman saya menjalankan kajian tindakan ini, saya yakin dan percaya bahawa seseorang guru perlu bersifat lebih kreatif dan inovatif dalam mencipta sesuatunya teknik pengajaran untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai dengan jayanya.

Aspek yang ingin saya bahaskan seterusnya ialah berkenaan cara pengumpulan data kajian. Saya yakin setiap kaedah yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Dalam pengumpulan data temu bual, saya berpendapat peserta kajian tidak semestinya memberikan jawapan yang sebenar dan jujur dari hati mereka. Saya berpendapat sedemikian kerana rakaman dijalankan sepanjang sesi temu bual menyebabkan peserta kajian berasa tidak selesa dan segan untuk menyuarakan pendapat. Justeru itu, saya beranggapan bahawa jawapan murid merupakan jawapan yang tidak telus. Masalah ini boleh diatasi sekiranya saya memberikan penerangan dengan jelas kepada sebelum aktiviti temu bual dijalankan

Saya juga berpendapat bahawa kaedah senarai semak dalam borang pemerhatian yang saya gunakan adalah kurang sesuai. Hal ini disebabkan, catatan pemerhatian yang saya jalankan agak terbatas. Saya hanya dapat mencatatkan aspek-aspek yang telah tersenarai dalam borang pemerhatian sahaja. Namun, dalam masa yang sama kaedah pemerhatian sebenarnya banyak membantu saya dalam kajian ini, saya dapat memerhati tingkah laku peserta kajian secara langsung dan dapat dicatatkan dengan serta merta. Untuk mendapatkan manfaat yang maksimum dalam kaedah pemerhatian, saya boleh menggunakan catatan secara deskriptif dalam borang pemerhatian. Dengan cara ini, maklumat yang diperolehi lebih jelas dan mempunyai kesahan yang tinggi.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Terdapat beberapa cadangan yang ingin saya kemukakan iaitu cara pengumpulan data dan strategi kajian.

Cara Pengumpulan data

Dalam pengumpulan data, saya mencadangkan agar kajian akan datang dapat menggunakan kaedah yang lebih sistematik dan mempunyai kesahan data yang tinggi. Peserta kajian juga perlu diberi penerangan yang rapi sebelum menjalankan aktiviti pungutan data seperti arahan menjawab soal selidik dan temu bual. Dengan cara ini peserta kajian dapat menjawab soalan dengan ikhlas, bersungguh-sungguh dan bukan sambil lewa. Hal ini akan memberi kesan kepada dapatan kajian yang dihasilkan. Selain itu, saya turut mencadangkan agar persediaan yang mantap perlu dilakukan oleh penyelidik sebelum menjalankan sesuatu ujian. Persediaan yang perlu diambil kira adalah dari segi masa, tempat, keselamatan dan keselesaan peserta kajian menjawab soalan. Keselesaan peserta kajian dalam menjawab soalan akan mempengaruhi dapatan kajian.

Strategi Kajian

Selain itu, saya turut mencadangkan agar penyelidik menjalankan strategi kajian secara berkumpulan atau kooperatif. Strategi berkumpulan mampu menjamin keberkesanan sesuatu kajian dengan pantas dan berkesan. Selain itu, kaedah berkumpulan juga dapat menggalakkan peserta kajian bekerjasama dan berkongsi pendapat.

Akhir sekali, diharapkan cadangan ini akan memberi ruang kepada penyelidik lain supaya dapat melakukan penyelidikan yang lebih bermakna.

RUJUKAN

- Glasser, W. (1993). *The Quality School Teacher*. New York: Harper Collins
Lim Keat Heng (2000). Pungutan Data Kualitatif melalui Pemerhatian. Kertas disampaikan pada Kursus Pendek Kelolaan Maktab "Pemerhatian Koperatif berdasarkan Kajian Tindakan", Jun 2000. Kota Samarahan: Maktab Perguruan Samarahan, Sarawak.
Choong Lean Keow (2008). *Siri Pendidikan Perguruan: Murid Dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.